

Dr Menggan kerjasama ^{BH -} dengan Anwar

29/7/2006

KOTA BHARU: Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau tidak akan bekerjasama dengan bekas Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim, untuk apa tujuan sekali pun.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, beliau tidak boleh menerimanya kerana Anwar memburuk-burukkan namanya sehingga ke Timur Tengah dan membuat pelbagai tohmahan terhadapnya.

"Macam-macam dia kata pada saya. Saya tak boleh terima... orang lain nak terima, terimalah. Tapi saya tak boleh.

"Dulu orang kata saya ni zalim... bawa masuk dia seorang yang tidak bersalah dalam penjara. Sekarang ni dia dah saman saya. Saman malu... dia nak saya bayar RM100 juta. Saya pun tak ada duit RM100 juta," katanya.

Beliau berkata demikian pada sesi soal jawab di Majlis Dialog Isu-Isu Semasa anjuran Jawatankuasa Penaja Alumni Bekas Ahli Parlimen dan Dewan Undangan Negeri Umno Kelantan serta ahli Umno di sini, semalam.

Hadir sama, Pengerusi jawatankuasa itu, Tan Sri Abdullah Ahmad; bekas Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada), Tan Sri Hussein Ahmad dan Presiden Majlis Tindakan Rakyat Kelantan (MTRK), Datuk Ibrahim Ali.

Menjawab soalan mengenai kemungkinan beliau dibuang daripada Umno kerana mengkritik kerajaan, Dr Mahathir berkata:

"Saya dah pernah kena buang dulu. Saya berjiwa Umno sejak sebelum Umno ditubuh... daripada sekolah lagi dan bila Umno ditubuh saya antara yang terawal jadi ahli.

"Bila saya dibuang dari Umno, saya masih lagi sokong Umno. Ada la sekali saya naik pentas Pas tapi bukan nak sokong Pas... saya cakap pasal marah kepada kerajaan. Saya orang Umno... walaupun nak buang saya, saya masih lagi Umno. Kalau nak buang, buanglah... apa saya boleh buat."